

16/10/2003

Pelancong asing tertarik pameran

KUALA LUMPUR: Pameran Seribu Wajah Dr Mahathir: Penghargaan Untuk Seorang Negarawan di Balai Seni Lukis Negara, turut menarik minat pelancong asing untuk menyaksikan rakaman gambar eksklusif Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri.

Pasangan suami isteri, Mark Young dan Mariel Rebson dari United Kingdom, berkata pameran itu memberi mereka peluang mengenali dengan lebih dekat pemimpin disegani itu.

"Selain berpeluang melihat riak wajah Dr Mahathir ketika menghadiri beberapa acara di dalam dan luar negara, kami juga dapati pemimpin ini tidak pernah lekang daripada memberikan senyuman," kata Mark.

Warga Belanda yang menetap di sini, Paul H Wesseling, 45, meminati sebuah gambar yang dirakam ketika Dr Mahathir dikelilingi rakyat di Perhimpunan Agung Umno pada 21 Jun lalu.

Katanya, gambar berkenaan mencerminkan Dr Mahathir adalah satu-satunya pemimpin yang berjaya meletakkan Malaysia di peta dunia bersama sokongan jutaan rakyatnya.

"Saya mengikuti perkembangan Dr Mahathir sejak mula menetap di sini tiga tahun lalu menerusi akhbar dan televisyen. Malah, pernah terserempak dan menegurnya dua kali di ibu negara," katanya.

Seorang pelajar, Andrew Jenkins, 21, dari England berkata, teknik fotografi yang diketengahkan dalam setiap gambar Dr Mahathir menjadi kekuatan pameran berkenaan.